

## MAHATHIR

JITRA, 24 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA KEMENANGAN PERCUMA YANG DIPEROLEHI OLEH BARISAN NASIONAL BAGI ENAM KERUSI PARLIMEN DAN LAPAN NEGERI PADA HARI PENAMAAN CALON HARI INI MERUPAKAN PETANDA BAIK BAGI BN PADA PILIHAN RAYA UMUM 2 DAN 3 OGOS.

KATANYA, KEMENANGAN ITU MENJADI BUKTI BAHAWA BN BUKAN BARAJA AKAN MEMPEROLEHI KEMENANGAN DENGAN MAJORITY DUA PERTIGA BAHKAN LEBIH BESAR LAGI.

KETIKA BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA DI SEKOLAH MENENGAH JITRA DI SINI, BELIAU BERKATA INI JUGA MENUNJUKKAN PARTI-PARTI PEMBANGKANG TIDAK MAMPU MENGEMUKAKAN CALON, APA-TAH LAGI BERKEMAMPUAN MENEBELKAN SEBUAH KERAJAAN YANG KUKUH PADA PERINGKAT PERSEKUTUAN.

KETIKA DITANYA SAMA ADA KEMENANGAN ITU KERANA KESILAPAN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, KESILAPAN SEUMPAMA ITU TIDAK PERNAH BERLAKU DENGAN ADANYA BORANG BARU YANG SANGAT MUDAH DITOLAK PADA PILIHAN RAYA INI.

KATANYA, ADALAH MUSTAHIL BAGI MANA-MANA BAKAL CALON BAKAL DISAHKAN SEBAGAI CALON EKORAN MASALAH TEKNIKAL. KERANA KERAJAAN TELAH MENYEDIAKAN BORANG PENAMAAN CALON YANG TELAH DIPERMUDAHKAN LAGI.

1918MST 24 07 86

ES384

## MAHATHIR 2 JITRA

DITANYA SAMA ADA BELIAU BERPUAS HATI DENGAN JUMLAH KEMENANGAN PERCUMA YANG DIPEROLEHI PADA PILIHAN RAYA INI BERBANDING DENGAN 1980, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KEBANYAKAN KERUSI YANG DIPEROLEHI PADA TAHUN ITU ADALAH KERANA BORANG YANG DIGUNAKAN BUKAN DIISI YANG MENYEBABKAN BANYAK DITOLAK KERANA KESILAPAN TEKNIK.

KERANA ITU, KATANYA BN MEMPEROLEHI KEMENANGAN TANPA BERTANDING DENGAN BANYAK, BERBANDING DENGAN TAHUN INI YANG BELIAU TEGASKAN MUSTAHIL BAGI SESEORANG BAKAL CALON MEMBUAT KESILAPAN TEKNIK.

BN BERTANDING DI KESEMUA KERUSI PARLIMEN DAN NEGERI WALAUPUN ADA KEMUNGKINAN AKAN TEWAS DI BEBERAPA KERUSI YANG DIKETAHUI SEBAGAI KUBU KUAT LAWAN.

BN BERBUAT DEMIKIAN KERANA INGIN MEMBUKTIKAN KEPADA RAKYAT DA BERTANDING PADA PILIHAN RAYA INI SEMATA-MATA UNTUK KEPENTINGAN RAKYAT. TIDAK SEPERTI PARTI-PARTI PEMBANGKANG YANG HANYA BERTANDING UNTUK MENJADI WAKIL RAKYAT BAGI KEPENTINGAN DIRI SENDIRI.

WAKIL-WAKIL RAKYAT BN YANG DIPILIH OLEH RAKYAT PADA SETIAP PILIHAN RAYA TELAH MENUNJUKKAN KEMAMPUAN MEREKA UNTUK BEKERJA DEMI KEPENTINGAN RAKYAT DAN BUKANNYA UNTUK KEPENTINGAN DIRI SENDIRI TAMBAHNYA. -- BERNAMA

2104MST 24 07 86